


SIRI PANDUAN
KENEGARAAN

MEMAHAMI
DASAR
KERAJAAN

Penyusun:

MOHD SYAHRUL HANAFI



PENERBIT PINANG SDN. BHD.

**PENERBIT PINANG
SDN. BHD.**

No. 10, Blok A, Lot 778,
Jalan Subang 4, Subang
Light Industrial Park,
47610 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03 - 5637 7846
Fax : 03 - 5637 7826

Dicetak oleh:
Percetakan Tatt Sdn. Bhd. (270731-D)

© Penerbit Pinang Sdn. Bhd.
Cetakan pertama... 2005

**AMARAN ATAS HAK
CIPTA**

Semua hak cipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam
buku ini tidak boleh
diterbitkan semula atau
dipindah dalam sebarang
bentuk atau dengan sebarang
cara, baik dengan cara
elektronik, mekanik,
penggambaran ataupun
sebaliknya tanpa izin yang
bertulis terlebih dahulu
daripada Penerbit Pinang
Sdn. Bhd.

W

320.9595

MtM ✓

341.1

320.9595

**NASKAH PENGUMUMAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

KANDUNGAN

MENGGUBAL DASAR NEGARA	1
DASAR KEPENDUDUKAN	4
DASAR PENDIDIKAN	10
DASAR PENERAPAN NILAI ISLAM	15
DASAR PENSWASTAAN	22
DASAR PANDANG KE TIMUR	27
DASAR PERSYARIKATAN	34
DASAR EKONOMI BARU	40
DASAR PEMBANGUNAN	45
GLOSARI	52
SOALAN	54

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Memahami dasar kerajaan / penyusun Mohd. Syahrul Hanafi.

(Siri panduan kenegaraan)

ISBN 983-055-571-2 (set)

ISBN 983-055-573-9

I. Malaysia--Politics and government. 2. Malaysia--Economic
policy. 3. Malaysia--Economic conditions.

I. Hanafi, Mohd. Syahrul. II. Siri.

SIRI PANDUAN KENEGARAAN

MENGGUBAL DASAR NEGARA



PENGENALAN

Malaysia meskipun sebuah negara yang disifatkan ‘kerdil’, namun mampu melakar pelbagai kejayaan yang cukup membanggakan dalam pelbagai bidang. Malah ada antara kejayaan yang dicapai mengharumkan nama negara di persada dunia.

Misalnya, Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang dihuni oleh masyarakat pelbagai kaum dan agama. Namun begitu, keamanan di sini terpelihara. Tiada perbalahan antara kaum yang tercetus sedangkan di negara-negara lain yang **majoriti** rakyat dari rumpun bangsa serupa juga saling bercakaran.

Malaysia juga dikenali kerana kemajuan yang dicapainya. Hari ini Malaysia menjadi salah sebuah negara pengeluar komponen elektronik terbesar di dunia.

Peralatan seperti pendingin hawa jenama Malaysia telah dipasarkan ke seluruh dunia serta diakui akan mutunya.


Di Malaysia juga terdapat Menara Berkembar Petronas yang diakui sebagai antara bangunan tertinggi di dunia. Begitu juga dengan projek Koridor Raya Multimedia yang berupaya menarik ramai pelabur multimedia datang beroperasi di sini.

Dari segi pembabitan di pentas antarabangsa, Malaysia terbabit aktif dalam pelbagai pertubuhan dunia termasuklah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Malah Malaysia sentiasa menghantar pasukan keselamatannya untuk berkhidmat sebagai pasukan pengamanan di negara-negara yang bergolak.


Kejayaan Malaysia dalam pelbagai bidang ini sebenarnya berkait rapat dengan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kebijaksanaan para pemimpin menjadikan Malaysia berupaya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan lain-lain negara di peringkat antarabangsa.

Dalam memastikan jentera pentadbiran dan segala rancangan pembangunan berjalan dengan lancar seperti yang diharapkan, pelbagai dasar negara telah diperkenalkan untuk kepentingan bersama.

Dasar-dasar yang diperkenalkan sesungguhnya menjadi landasan atau jaluan untuk kita mengecap kejayaan dan kemajuan pada masa hadapan. Sebagai rakyat, kita sewajarnya menyokong segala dasar yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan demi kebaikan bersama.



Menara Berkembar Petronas tersergam megab di ibu kota membentangkan kejayaan dasar pembangunan negara.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

DASAR KEPENDUDUKAN

PENGENALAN

Sesebuah negara itu dikira bertuah jika memiliki penduduk yang ramai. Hal ini disebabkan penduduk yang ramai dapat menjana kekuatan yang luar biasa jika **dieksplotasi** oleh kerajaan negara tersebut dengan sebaik-baiknya.

Lihatlah betapa China bakal menjadi sebuah kuasa besar yang digeruni kerana memiliki penduduk yang ramai. China bakal menjadi sebuah kuasa ekonomi kerana selain memiliki potensi pasaran yang amat besar, negara tersebut juga dapat menjual barang berkualiti mereka dengan murah kerana memiliki kelebihan dari segi kos buruh yang rendah.

Justeru, matlamat kependudukan 70 juta telah disarankan oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad di Perhimpunan Agung UMNO pada bulan September 1982. Beliau berpendapat bahawa Malaysia akan lebih berjaya jika memiliki penduduk seramai 70 juta orang.

Saranan ini kemudiannya telah dijelaskan dan dikemukakan sekali lagi oleh bekas Perdana Menteri Malaysia itu dalam ucapannya semasa membentangkan kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat pada 29hb. Mac 1984.

Matlamat kependudukan sebanyak 70 juta ini diharapkan dapat dicapai dalam tempoh 115 hingga 120 tahun akan datang. Menurut Tun Dr. Mahathir, penduduk yang ramai bakal memberikan impak yang kuat terhadap kemajuan ekonomi dan menambah kekuatan dalaman sesebuah negara.

Namun, dasar kependudukan yang dirancang seharusnya melahirkan rakyat yang memiliki sifat rajin, berdisiplin, produktif, amanah dan sebagainya.

Dasar untuk menambah jumlah penduduk juga mengambil kira akan sumber alam semula jadi yang belum mencapai tahap kemajuan optimum. Masih terdapat banyak tanah yang mencukupi untuk menampung pertambahan penduduk.

Pertambahan penduduk dalam jangka masa panjang jika dirancang dengan cermat akan membawa pelbagai faedah kepada negara.

Antaranya negara dapat menyediakan tenaga kerja yang mencukupi bagi memenuhi kehendak pembangunan negara, meningkatkan daya pengeluaran dan kuasa beli rakyat serta mengukuhkan kedudukan Malaysia daripada segi politik dan keselamataan nasional.

Matlamat kependudukan 70 juta dikatakan mampu menyediakan asas permintaan dan pasaran bagi keluaran industri tempatan. Ini akan mewujudkan persaingan dalam pasaran dan meninggikan mutu pengeluaran untuk barang eksport.

Pertumbuhan dianggap sebagai modal utama untuk kemajuan ekonomi dan sosial sesebuah negara. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan daya pengeluaran ekonomi.

Oleh itu, pertambahan penduduk Malaysia harus dilihat dari sudut yang positif. Atau dengan kata lain, penduduk harus ditambah sejajar dengan pelaksanaan program atau dasar yang mampu membentuk mereka menjadi warganegara yang rajin, berdisiplin tinggi, dan produktif yang menjadi asas penting perkembangan perindustrian tempatan.

Namun, harus diakui betapa penduduk yang bertambah mungkin menimbulkan beberapa masalah sosio-ekonomi.

Misalnya penduduk yang bertambah menimbulkan masalah kekurangan sumber-sumber negara seperti bekalan makanan, perumahan, pekerjaan, kesihatan, pendidikan, kemudahan asas, dan bekalan tenaga.

Sebab itulah dasar menambah jumlah penduduk kepada 70 juta orang memerlukan perancangan yang amat teliti agar tidak menimbulkan masalah atau memberi bebanan kepada negara kelak.



Dasar kependudukan turut mengambil kira keperluan pendidikan pada masa akan datang.



Penduduk yang mahu dilaburkan negara mestil mengutamakan disiplin diri dalam kehidupan.

Justeru, antara perancangan yang diambil kira meliputi beberapa dasar seperti dasar pembangunan ekonomi, mengkaji tahap kesuburan, kematian, penghijrahan di samping pertumbuhan, komposisi, dan taburan penduduk.

Dasar sosial yang diberikan perhatian oleh kerajaan meliputi aspek-aspek kesihatan, pelajaran, perumahan, pembangunan keluarga, peningkatan kebudayaan, keseimbangan sosial, kebajikan kanak-kanak, warga tua, dan sebagainya.

Oleh itu kerajaan menggembung semua kementerian yang berkaitan untuk menyusun langkah tertentu agar pertambahan penduduk dapat ditampung secara seimbang, merangkumi wujudnya peluang pekerjaan, menambah prasarana pendidikan, penyediaan sumber makanan mencukupi, dan sebagainya.

Dengan cara ini, pertambahan penduduk tidak akan meninggalkan **impak** negatif terhadap kemajuan negara.

PENDEKATAN DIAMBIL

Dalam usaha mencapai dasar kependudukan ini, kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah. Antaranya melaksanakan dasar percukaian dan faedah-faedah bersalin yang akan memberi manfaat kepada keluarga yang memiliki anak sehingga lima orang.

Kerajaan juga mengkaji semula dan menyelaraskan fungsi-fungsi dan peranan Lembaga Kependudukan dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Malah lembaga ini diharap dapat memainkan peranan lebih berkesan untuk mencapai matlamat dasar ini.

Dalam sektor kesihatan, Kementerian Kesihatan juga telah mengubah suai strateginya berkhidmat kepada masyarakat dengan mengambil kira dasar yang digubal, Dasar Kependudukan Negara.

Misalnya Kementerian Kesihatan seharusnya telah membuat persediaan awal menghadapi pertambahan penduduk, dengan mengambil kira jumlah pusat-pusat kesihatan yang harus ditambah di kawasan luar bandar, menambah jumlah doktor dan jururawat terlatih, menyediakan bekalan ubat-ubatan mencukupi, dan sebagainya.

Bagi sektor pendidikan, Kementerian Pendidikan telah membuat unjuran pertambahan jumlah murid yang bakal memasuki alam persekolahan.

Oleh itu, persediaan harus dilakukan dari segi menambah jumlah sekolah, bilangan bilik, guru terlatih, peralatan pengajaran, dan sebagainya.

Selain itu, aspek-aspek kependudukan juga telah diperkenalkan dalam kurikulum-kurikulum persekolahan menerusi mata-mata pelajaran seperti Alam dan Manusia, Kemahiran Hidup, Geografi, dan Statistik.

Bagi mempertingkatkan pengetahuan dalam bidang-bidang kependudukan dan kekeluargaan, LPPKN telah menghasilkan beberapa kajian dan penyelidikan mengenainya.

Di bawah program Pembangunan Keluarga pula, pelbagai pencapaian diperoleh hasil program-program yang dijalankan.


Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah memberi perkhidmatan merancang keluarga yang bertujuan untuk menjaga kesihatan ibu dan anak.

Terdapat juga program menjarakkan kelahiran terutama bagi keluarga berpendapatan kecil agar pertambahan anak tidak menimbulkan beban ekonomi kepada mereka.

Peranan institusi keluarga amat penting dalam usaha melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Justeru, LPPKN turut menjalankan aktiviti-aktiviti berunsur pendidikan dan kaunseling keluarga.

Antara program yang dijalankan merangkumi ceramah dan khidmat nasihat perkahwinan, penjagaan anak, kursus keibubapaan menerusi Kempen Keluarga Bahagia, dan pelancaran Hari Keluarga Kebangsaan.

Semua program yang dilaksanakan ini menjelaskan usaha kerajaan untuk menambah penduduk dengan cara yang terancang lagi sistematik. Melalui pendekatan ini, pertambahan penduduk dijangka tidak akan menimbulkan impak tidak sihat terhadap kemajuan dan pembangunan negara pada masa akan datang.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

DASAR PENDIDIKAN

PENGENALAN

Dalam tahun-tahun akhir sebelum menuju kemerdekaan, pemimpin dan rakyat Malaysia telah mempunyai kesedaran tentang kepentingan sistem pendidikan kebangsaan untuk menggantikan sistem pendidikan penjajah.

Sistem pendidikan tempatan diperlukan bagi memenuhi kehendak negara. Atas kesedaran inilah, lahirnya Dasar Pendidikan (Pelajaran) Kebangsaan yang digubal bagi memenuhi keperluan tersebut.

Dasar Pendidikan Kebangsaan telah dibuat melalui pengenalan Penyata Razak 1956 dan telah termaktub dalam Ordinan Pelajaran, 1957.

Namun begitu, dasar pendidikan ini telah disemak dan diperkuuhkan pada tahun 1960 yang menghasilkan Laporan Rahman Talib, yang kemudiannya termaktub dalam Akta Pelajaran, 1961.

Pada tahun 1974, sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan dengan tujuan memperbaiki pelaksanaannya.

Kajian semula ini dilakukan supaya matlamat untuk melahirkan masyarakat berbilang kaum yang bersatu padu dan berdisiplin terlaksana. Kajian juga dibuat bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang terlatih untuk mengisi peluang pekerjaan yang diwujudkan seiring dengan era pembangunan yang rancak berlaku.

Masyarakat yang bersatu padu bermakna menyatukan rakyat Malaysia berbilang bangsa dan keturunan melalui sistem pelajaran yang menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya.

Matlamat perpaduan ini amat penting kerana pendidikan di zaman penjajahan tidak mengambil kira kepada keperluan pembangunan, pembentukan identiti kebangsaan, dan perpaduan negara.

Sistem pendidikan yang digunakan penjajah hanya mahukan taat setia rakyat kepada keturunan dan negara asal mereka. Sedangkan taat setia terhadap negara asal kelahiran rakyat diabaikan.

Justeru, penggubalan dasar pendidikan dikira langkah yang amat tepat bagi memenuhi **aspirasi** nasional.

OBJEKTIF DASAR

Objektif dasar pendidikan dinyatakan dengan jelas dalam pendahuluan kepada Akta Pelajaran, 1961, iaitu:

"Bahwasanya dasar pelajaran seperti yang diisyiharkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pendidikan yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politiknya..."

Menerusi objektif yang dinyatakan ini, Kementerian Pendidikan dengan berpandukan kepada Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960, telah mentafsirkannya sebagai usaha menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja bagi keperluan ekonomi.

Falsafah Pendidikan Negara yang digubal berasaskan hasrat negara ini memberi penekanan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu dan berakhhlak, seimbang, dan harmonis di kalangan masyarakat.

Masyarakat yang dilahirkan begini mampu memenuhi tanggungjawab mereka untuk mencapai kesejahteraan diri, dan memberi sumbangan bermakna kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

STRATEGI DILAKSANAKAN

Seiring dengan penggubalan dasar, kerajaan juga mempunyai pelbagai strategi untuk memastikan kejayaan pelaksanaannya.

Antaranya kerajaan telah menyediakan pendidikan rendah mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang berasaskan 3M iaitu membaca, menulis, dan mengira pada tahun 1983. Seterusnya kerajaan melancarkan pula kurikulum bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989.

Matlamat utama kurikulum baru bagi melahirkan individu yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk membina kerjayanya. Pada ketika yang sama, mereka hendaklah mempunyai moral serta nilai etika kukuh.

Bagi pendidikan menengah pula, diperkenalkan pula pendidikan Vokasional dan Teknik melalui penyusunan semula kurikulum Sekolah Vokasional pada tahun 1978. Dasar ini memberi peluang kepada para pelajar yang berminat mendalamidi bidang kemahiran.

Secara tidak langsung, pendidikan bersifat teknikal menyediakan **asas** kepada pelajar menimba sebanyak mungkin ilmu berkaitan kejuruteraan dan sebagainya.

Sebagai langkah memupuk disiplin tinggi di kalangan pelajar, kementerian menggalakkan pelbagai aktiviti kurikulum disertai oleh para pelajar. Ia termasuklah penubuhan pasukan kadet polis, pengakap, Puteri Islam, Pandu Puteri, dan lain-lain lagi.

Di samping strategi ini, Dasar Pendidikan Kebangsaan juga dijangka mampu melahirkan lebih ramai tenaga pengajar terlatih. Selaras dengan pertambahan kanak-kanak, kerajaan turut mendirikan banyak sekolah baru.

Beberapa bahagian dan jawatankuasa juga telah ditubuhkan di kementerian dan jabatan pendidikan seluruh negara. Tujuannya tidak lain untuk memastikan kelancaran sistem pendidikan sedia ada dilaksanakan.

Antara bahagian dan jawatankuasa yang ditubuhkan ialah penubuhan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional, Jawatankuasa Pusat Kurikulum, Biro Buku Teks, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia, Jawatankuasa Perancangan Pendidikan, dan Pusat Perkembangan Kurikulum.



Antara matlamat dasar pendidikan adalah untuk melaburkan generasi pelajar yang cemerlang serta bermoral



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

DASAR PENERAPAN NILAI ISLAM

PENGENALAN

Sesebuah negara akan lebih cepat mencipta kejayaan jika memiliki rakyat yang berdisiplin tinggi, beretika, dan bermoral mulia. Hal ini bermaksud rakyat seharusnya memegang nilai-nilai yang baik sepanjang kehidupan, yakni nilai-nilai baik yang dikongsi oleh semua bentuk agama.

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran telah diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1985. Dasar ini dipimpin oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mahu unsur-unsur Islam dimasukkan dalam gaya pentadbiran dan kehidupan rakyat Malaysia.

Rasional kerajaan memberi perhatian kepada nilai-nilai Islam ia merupakan unsur terpenting dalam pembentukan identiti warganegara Malaysia yang bermoral tinggi. Apatah lagi nilai baik yang disarankan bersifat universal dan dapat diterima jua oleh penganut agama lain.

Tujuan utama dasar penerapan nilai-nilai Islam adalah untuk meningkatkan daya pengeluaran negara menerusi sikap rajin bekerja serta mengamalkan pentadbiran yang bersih, cekap, dan amanah sepanjang masa.

Nilai-nilai atau etika yang harus dipupuk dan diamalkan ini meliputi sikap amanah, rajin, bencikan rasuah, cekap bertanggungjawab, telus, penyayang, dan sebagainya.

Nilai-nilai ini bukan sahaja harus difahami dan dipegang, namun lebih penting lagi diperaktikkan dalam kehidupan sebenar. Dasar penerapan nilai-nilai Islam tidak seharusnya menjadi slogan yang bermain di bibir tetapi dijelmakan dalam bentuk pengamalan.

Lagi pun memang menjadi hasrat kerajaan untuk membentuk budaya kerja dalam masyarakat yang selari dengan nilai-nilai Islam dan pada ketika yang sama, tidak bercanggah dengan kebudayaan kaum lain.



Setiap kali sambutan Aival Mubaram, seorang Tokoh Maal Hijrah akan dipilih berdasarkan sumbangan terhadap pembangunan Islam di negara ini.



Penerapan nilai Islam bartislab mengitamakan pengamalan nilai-nilai terpuji dalam kehidupan.

Haruslah difahami betapa Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam tidaklah bermaksud untuk mengislamkan rakyat bukan Islam. Hal ini sesuai dengan Perlembagaan Persekutuan (Perkara 11 dan 12) yang memberi kebebasan beragama kepada seluruh rakyat Malaysia.

Agama Islam termaktub sebagai agama rasmi negara dalam Perlembagaan Malaysia. Hak mengendalikan hal ehwal Islam ini diberikan kepada raja-raja dan kerajaan-kerajaan negeri.

Sungguhpun demikian, penganut-penganut agama lain tetap bebas mengamalkan agama masing-masing. Inilah yang menjadi keunikan dasar pengamalan agama di negara ini. Malah kerajaan juga telah membelanjakan jutaan wang ringgit untuk membina kuil-kuil, tokong, gereja, dan rumah-rumah ibadat lain bagi penganut agama bukan Islam.

Namun begitu seiring dengan taraf Islam sebagai agama rasmi negara, pelbagai program dilancarkan bagi meninggikan syiar Islam di negara ini.

Malah penglibatan raja-raja, kerajaan-kerajaan negeri, dan persekutuan dalam bidang penyebaran syiar Islam telah bermula sejak zaman sebelum merdeka lagi.

Antara aktiviti dan program penting yang dikelolakan oleh mereka termasuklah menyusun sistem sekolah agama, menggalakkan undang-undang mahkamah syariah, pembinaan surau dan masjid, mengurus kutipan zakat fitrah, Baitulmal, dan banyak lagi.

Pada tahun-tahun awal selepas kemerdekaan, pelbagai aktiviti dan program berkaitan peningkatan syiar Islam telah ditambah dengan perkara-perkara baru seperti mengadakan tilawah al-Quran yang terkenal, mengharumkan nama negara di kalangan negara-negara Islam khususnya.

Seiring dengan konsep Islam agama yang sesuai dipraktikkan sepanjang masa dan zaman, penghayatahan Islam diteruskan melalui penubuhan sekolah-sekolah menengah agama berasrama pemuda Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam, Syarikat Insurans Islam, dan pengukuhan Bahagian Hal-Ehwal Islam, Jabatan Perdagangan Menteri.

Bagi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbagai-bagi kaum dan agama, pengamalan nilai-nilai yang dapat diterima oleh semua rakyat menjadi asas penting ke arah pembentukan identiti dan perpaduan negara.

Tanpa nilai yang universal ini, rakyat akan terdorong untuk menerima dan menyanjung nilai-nilai lain yang sangat asing kepada masyarakat Malaysia.

Oleh itu, nilai berasaskan agama Islam adalah paling sesuai untuk membangunkan masyarakat Malaysia kerana ia boleh menjadi penggerak ke arah membanteras unsur-unsur keburukan yang menyebabkan musuh utama negara.

Ia termasuklah memerangi fahaman komunis, kemiskinan, rasuah, kecuaian, kejahilan, dan penyelewengan yang sentiasa mengancam usaha perpaduan rakyat dan pembangunan negara.

Al-Quran juga telah menamakan Islam sebagai agama yang amat bernilai. Penamaan ini memberikan keyakinan kepada semua orang bahawa kandungan yang terdapat di dalam kitab suci al-Quran itu adalah merupakan nilai-nilai yang mulia.

Al-Quran mengandungi bimbingan-bimbingan (hidayah) yang datang daripada Allah s.w.t. dan ditujukan kepada semua umat manusia dan bukan kepada yang beragama Islam sahaja.

PENGHAYATAN NILAI BAIK

Antara perkara terpenting berkaitan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan moral atau pembentukan akhlak manusia.

Ini bererti dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran berfungsi dengan cara membentuk nilai-nilai akhlak mulia ke arah ketinggian maruah di samping menanam nilai-nilai yang murni dan membina ke dalam sistem pentadbiran negara.

Penerapan nilai-nilai baik lagi beretika amat bersesuaian untuk diamalkan dalam usaha mencapai objektif dasar ini yang bertujuan membentuk negara bahagia dengan masyarakat yang bermaruah, beridentiti kukuh, dan disegani masyarakat lain.

Dasar penerapan nilai-nilai Islam dijalankan secara berperingkat-peringkat dan berhemat. Hal ini bagi memastikan setiap rakyat dapat mengikutinya secara perlahan-lahan.

Sebagai permulaan, dasar ini memberi tumpuan kepada anggota perkhidmatan awam. Hal ini memandangkan perkhidmatan awam menjadi jentera terpenting yang melaksanakan pelbagai program dan projek bagi faedah rakyat dan negara.

Oleh itu adalah penting bagi negara untuk meningkatkan prestasi kakitangan kerajaan dari semasa ke semasa sejajar dengan harapan rakyat dan negara.


Usaha untuk menerapkan nilai-nilai ini di kalangan anggota kerajaan dilakukan melalui sesi penerangan dan penjelasan dasar, diadakan forum dan **seminar**, teladan pegawai-pegawai kanan, pujukan tanpa sebarang paksaan dan tekanan.

Mereka yang terlibat dalam kerajaan akan diberikan tuntutan ajar dan nasihat berguna berkaitan faedah yang boleh diperoleh melalui penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

Percapaian yang lebih penting adalah untuk menunjukkan betapa nilai-nilai Islam yang diamalkan mampu menghasilkan perkhidmatan yang lebih baik dan cekap kepada rakyat dan negara serta keseluruhannya.

Secara tidak langsung, kredibiliti sesebuah organisasi akan meningkat apabila rata-rata kakitangan kerajaan mengambil sikap menolak rasuah, bekerja lebih cekap, mesra rakyat, berhemah, serta sebagainya.

Justeru, menjadi tanggungjawab setiap pemimpin untuk mengambil langkah-langkah yang wajar bagi melaksanakan nilai-nilai ini. Manakala individu pula perlulah menyedari akan kepentingan menjalankan nilai ini dan menghayatinya dengan sepenuh hati, sejajar dengan tanggungjawab kepada agama, nusa, dan bangsa.



Pembangunan Islam yang pesat dapat dilihat menerusi pembinaan banyak masjid di seluruh negara.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

DASAR PENSWASTAAN

PENGENALAN

Di kebanyakan negara di dunia, sektor swasta memainkan peranan amat penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi sesebuah negara berbanding sumbangan agensi kerajaan.

Hal ini disebabkan penubuhan syarikat swasta sememangnya berorientasikan keuntungan. Syarikat swasta ditadbir oleh pengurusan yang cekap dalam hal-hal berkaitan perniagaan. Malah kakitangan syarikat swasta juga sanggup bekerja keras memastikan syarikat memperoleh keuntungan.

Justeru, melihat kejayaan dikecapi pihak swasta, konsep dasar penswastaan pun diperkenalkan di negara ini.

Dasar penswastaan mula mendapat perhatian di Malaysia pada pertengahan tahun 1983 apabila bekas Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Dasar Persyarikatan Malaikat yang berkaitan peranan pihak swasta dalam pembangunan pengurusan negara.

Dasar penswastaan bertentangan dengan konsep pemiliknegaraan, iaitu satu proses yang menambah pemilikan dan penguasaan kerajaan dalam ekonomi negara.

Pemiliknegaraan juga bererti perkhidmatan dan perusahaan **hak milik swasta**, diambil alih oleh pihak kerajaan dengan atau tanpa **bayaran ganti rugi**. Dengan cara ini, keuntungan akan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan namun kemampuan untuk syarikat itu kekal berdaya maju mungkin sukar kecuali ia diuruskan sepenuhnya oleh **pihak swasta**.

Manakala penswastaan pula melibatkan beberapa kepentingan atau pelaburan yang selama ini dikuasai kerajaan akan diambil alih oleh sektor swasta bagi memajukannya. Sekali gus keuntungan yang dinikmati syarikat berkenaan akan memberi sumber pendapatan kepada negara melalui pungutan cukai.

OBJEKTIF PENSWASTAAN

Pemindahan perkhidmatan dan perusahaan hak milik kerajaan **kepada pihak swasta** dilakukan memandangkan syarikat atau perkhidmatan yang diuruskan oleh kerajaan kerap kali kurang berjaya dan tidak menguntungkan.

Kenyataan ini diakui oleh Tun Dr. Mahathir sewaktu perasmian persidangan *The Securities Industry in Malaysia* pada 28 April, 1984 yang menjelaskan syarikat yang diuruskan oleh kerajaan sering kali kerugian.

Sedangkan syarikat atau perkhidmatan hak milik swasta pula **sentiasa** berkeadaan dinamik, sering mencapai kejayaan dan mencapai **keuntungan** yang disasarkan.

Justeru, diharapkan campur tangan atau pengambilalihan oleh **pihak swasta** ini akan berjaya meningkatkan ekonomi dan perkhidmatan **di negara** ini.

Walaupun berlaku pemindahan hak milik kerajaan kepada pihak swasta, namun kerajaan masih boleh menikmati pelbagai faedah dan sumber kewangan daripadanya kerana keuntungan syarikat boleh dikenakan cukai pada kadar tertentu oleh kerajaan.

Selain itu, dasar ini dilaksanakan untuk membendung beberapa kewangan negara yang semakin meningkat sejak mencapai kemerdekaan kerana peningkatan aspirasi rakyat dan penglibatan kerajaan secara langsung dalam kegiatan ekonomi negara.

Kerajaan dan sektor awam bukan sahaja terlibat dalam menyediakan dasar utama dan menentukan arah dan penyediaan perkhidmatan tetapi turut terlibat secara aktif dalam aktiviti ekonomi dan perdagangan negara.

Saiz sektor awam telah berkembang dengan begitu pesat sehingga meningkatkan perbelanjaan sektor awam dari 28 peratus pada tahun 1975 kepada 36 peratus pada tahun 1982, hingga menjadi sebuah kewangan besar untuk ditanggung kerajaan.



Dasar penswastaan diteruskan biarpun perubahan kepimpinan negara silih bergantian



Dasar penswastaan mampu meningkatkan kecekapan kakitangan agar mampu memberikan perkhidmatan efisien kepada orang ramai.

Selama ini kerajaan membelanjakan ribuan juta ringgit dalam **sektor kesihatan, pertahanan, perhubungan, dan sebagainya**. Perbelanjaan ini meningkat dari semasa ke semasa sedangkan kadar **pulangan balik** kepada kerajaan amat rendah.

Justeru, penswastaan dilihat sebagai jalan terbaik mengurangkan **beban kewangan kerajaan**, sekali gus dapat mengutip perolehan **kewangan** lebih baik. Dasar penswastaan juga menggalakkan **penyertaan** kaum bumiputera dalam perniagaan dan perdagangan.

Oleh itu, keutamaan diberikan kepada syarikat milik bumiputera **untuk mengambil alih perkhidmatan dan perusahaan kerajaan yang telah diswastakan**.

Penglibatan pihak swasta dilihat mampu memaksimumkan **sumber-sumber** kekayaan negara ini dengan lebih menyeluruh serta **mendatangkan** hasil lebih lumayan. Ia juga mampu menyediakan **peluang** pekerjaan baru kepada rakyat.

Contohnya, penswastaan beberapa perkhidmatan dan perusahaan kerajaan seperti Penerbangan Malaysia (MAS), Syarikat Telekom Malaysia Berhad, dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) terbukti membawa pulangan yang amat baik kepada ekonomi negara.

Dasar penswastaan mempercepat pencapaian matlamat Darul Ekonomi Baru (DEB). Dengan memberi lebih banyak peluang kepada pihak swasta, kerajaan dapat mewujudkan lebih banyak penyertaan dalam penglibatan syarikat swasta milik Bumiputera.

Bagi memastikan kejayaan dasar penswastaan, beberapa perkara penting telah dikaji.

Antaranya menubuhkan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang dianggotai oleh Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU), Kementerian Kewangan, dan Jabatan Awam (PSD).

Jawatankuasa yang ditubuhkan ini bertanggungjawab dalam menyediakan garis panduan lengkap untuk memudahkan kementerian atau jabatan menswastakan perkhidmatan di bawah bidang kuasa masing-masing.

Walaupun begitu, perlulah diakui betapa penswastaan ini boleh menyebabkan kenaikan kos apabila kebanyakan perkhidmatan yang disediakan dikenakan bayaran kepada rakyat.

Namun dengan campur tangan kerajaan, kadar harga yang dikenakan masih pada tahap minimum dan boleh diterima rakyat, seiring dengan peningkatan kualiti kehidupan yang mereka nikmati.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

DASAR PANDANG KE TIMUR

PENGENALAN

Perlu diakui betapa negara-negara di sebelah Timur Asia **terutamanya** Jepun dan Korea Selatan menikmati tahap kemajuan yang **amat pesat** lagi mengagumkan dalam tempoh yang singkat. Terdapat **pelbagai formula** atau resepi yang digunakan oleh rakyat di negara itu **dalam memastikan** kemajuan ini dicapai.

Justeru, ini memberi ilham kepada bekas Perdana Menteri, Tun **Dr. Mahathir Mohamad** untuk meminta rakyat di negara ini mencontohi **nilai dan budaya kerja** yang diamalkan di negara-negara terbabit. Apatah lagi, kejayaan dan kekayaan negara tersebut tidak menyebabkan **berlakunya** keruntuhan moral sebagaimana yang berlaku di negara **maju di Barat**.

Dasar Pandang ke Timur telah diperkenalkan oleh Tun **Dr. Mahathir** pada 8 Februari 1982 semasa berlangsungnya "5th Joint Annual Conference of MAJEC/AJAMECA" di Hilton, Kuala Lumpur.

Matlamat utama Dasar Pandang ke Timur ialah untuk menjadikan negara Timur, khususnya Jepun dan Korea Selatan yang pesat dan maju sebagai contoh paling **ideal** dalam usaha membangun dan memajukan negara ini.

Adalah menjadi hasrat kerajaan agar rakyat Malaysia mengambil iktibar dan faedah melalui penerapan nilai-nilai dan etika kerja yang diamalkan rakyat kedua-dua negara itu.

Diharapkan juga penerapan nilai dan etika kerja seumpama ini dapat memberi ilham dan inspirasi kepada tenaga kerja negara meningkatkan produktiviti negara ke arah yang lebih tinggi selain memastikan mutunya terpelihara.

Walaupun begitu, pihak kerajaan juga menyedari bahawa nilai-nilai yang ingin dicedok tidak akan ditiru bulat-bulat. Sebaliknya nilai-nilai tersebut harus diubah suai dan diselaraskan dengan kehendak serta keperluan masyarakat dan budaya tempatan.

Oleh itu, pihak kerajaan membuat pelbagai kajian, penelitian dan pemilihan terhadap contoh-contoh dan teladan yang terbaik daripada negara Jepun dan Korea dengan mengubahsuaikannya mengikut keadaan di Malaysia.

AMALAN ETIKA KERJA

Terdapat pelbagai nilai atau etika baik yang diamalkan oleh tenaga kerja di negara Jepun dan Korea Selatan.

Antara amalan berfaedah dan etika kerja yang diutamakan dalam dasar ini ialah kerajinan dan disiplin ketika bekerja, kesetiaan kepada negara atau syarikat perniagaan tempat pekerja itu bekerja, keutamaan kepada kepentingan kumpulan dan bukan individu, dan mementingkan daya produktiviti dan kawalan mutu hasil keluaran.

Dengan cara ini, syarikat mampu melahirkan tenaga kerja yang berdisiplin, beretika, dan setia terhadap syarikat.



Seorang saintis Jepun sedang cuba berinteraksi dengan robot ciptaan mya.

Etika kerja yang baik juga merangkumi usaha meningkatkan kemahiran dan kecekapan pekerja, mengurangkan jurang perbezaan antara para eksekutif dengan pekerja bawahan di samping syarikat mementingkan keuntungan jangka panjang yang berkekalan.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, nilai-nilai dan etika kerja di atas perlu diamalkan sentiasa kerana ianya terbulat membantu menjayakan usaha-usaha pembangunan yang dijalankan.

Pemilihan negara Jepun dan Korea dianggap terbaik untuk dicontohi kerana seperti yang kita sedia maklum, negara Jepun dan Korea merupakan dua buah negara yang begitu pesat membangun.


Dalam beberapa bidang, kedua-dua negara ini dapat menandirikan beberapa negara Barat. Oleh itu, kejayaan kedua-dua negara ini boleh dijadikan teladan kepada Malaysia dan seterusnya dipraktikkan bagi mencapai matlamat pembangunan negara.

Selain itu, Dasar Pandang ke Timur juga bertujuan untuk mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif bagi meninggikan kemajuan dan pengeluaran negara.

Pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur tidak bermakna kerajaan akan menyingkirkan terus amalan-amalan yang baik dari negara maju Barat. Apa jua nilai baik yang diamalkan Barat akan dikutip untuk diamalkan rakyat negara ini sementara amalan tidak baik dibuang.

Dasar Pandang ke Timur tidak bermakna pihak kerajaan berjaya akan membeli semua barang yang dihasilkan oleh negara Jepun atau Korea Selatan. Jika sikap ini diamalkan, bermakna kerajaan telah menutup ruang kepada negara-negara lain untuk mencari pasaran bagi barang mereka di negara ini.

Malah kerajaan juga tidak akan memberi keutamaan kepada mereka dalam penawaran kontrak-kontrak. Dalam hal ini, kerajaan bersikap terbuka di mana **tender** kerajaan akan ditawarkan kepada mana-mana pihak yang dapat memberikan tawaran paling menarik.



Teknologi robotik digunakan dengan meluas di negara Jepun dan Korea Selatan.

Ini bermakna Dasar Pandang ke Timur tidak bermakna bahawa Malaysia akan mengurangkan hubungan dagangannya dengan rakan-rakan yang ada sekarang.

Sebaliknya, kerajaan akan terus memperluas lagi perdagangannya dengan mengadakan hubungan dagang dengan rakan-rakan bukan tradisional, di samping terus mengekalkan hubungan perdagangan yang sedia ada, selaras dengan kepentingan dan keperluan negara.

Bagi menjadikan Dasar Pandang ke Timur lebih berjaya, Tun Dr. Mahathir sering kali mengadakan lawatan ke negara Jepun dan Korea Selatan.

Dalam rangka lawatan itu, Tun Dr. Mahathir berusaha mewujudkan kerjasama yang lebih rapat antara Malaysia dengan kedua-dua negara itu terutamanya dalam bidang ekonomi, perindustrian, latihan-latihan teknikal dan akademik, program kemajuan eksekutif, penyelidikan, dan pengurusan.

KURSUS DAN LATIHAN

Pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur menyebabkan kerajaan menyusun pelbagai strategi dan program bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan, dan penghasilan kerja yang lebih baik di kalangan pegawai dan kakitangan.

Justeru, kerajaan telah menghantar ramai pegawai dan pelajar Malaysia ke Jepun dan Korea Selatan untuk mempelajari selok-balok teknikal dan aspek pengurusan di kedua-dua negara tersebut.

Serentak itu juga, pelbagai arahan dikeluarkan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan di jabatan-jabatan kerajaan.

Program perubahan struktur meliputi pengenalan kad peraka waktu kerja. Penggunaan kad perakam waktu akan memaksa pekerja menjadi lebih berdisiplin dan bertanggungjawab memandangkan merekodkan segala data berkaitan waktunya kedatangan dan kepulangannya.

Selain itu, penggunaan tanda nama (name tag), penubuhan pasukan meningkat mutu kerja (QCC), konsep pejabat terbuka, perkhidmatan kaunter pembayaran bil setempat serta fail meja, dan manual prosedur kerja juga diperkenalkan kepada pekerja.

Program perubahan sikap pula merangkumi perkhidmatan cemerlang, konsep Bersih, Cekap, dan Amanah (BCA), dan konsep Kepimpinan Melalui Teladan (KMT).

Manakala pelbagai latihan dan kursus yang dilaksanakan bawah Dasar Pandang ke Timur lebih menjurus kepada latihan perindustrian dan teknikal yang bertujuan melatih pekerja di bidang teknikal dan meninggikan kecekapan mereka.

Selain itu, terdapat juga program pengajian akademik yang memberi peluang kepada pelajar-pelajar Malaysia untuk menuntut pelbagai disiplin ilmu sains dan teknikal di Jepun dan Republik Korea.

Di samping itu, terdapat juga Skim Latihan Pembangunan Usahawan. Program yang dikendalikan oleh Unit Penyelaras dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri ini memberi peluang dan pendedahan kepada usahawan-usahawan bumiputera terhadap idea baru dan teknologi luar.

Justeru, pelbagai program yang dilancarkan ini ternyata dapat membantu rakyat Malaysia khususnya untuk mendalami dan mempelajari rahsia kejayaan negara Jepun dan Korea Selatan memacu pertumbuhan ekonomi negara mereka.

Ia juga secara tidak langsung mendedahkan betapa pengamalan nilai-nilai dan etika kerja yang cemerlang dapat membantu menghasilkan keputusan lebih baik dalam apa jua bidang diceburi.

Dasar Pandang ke Timur juga berjaya menarik perhatian banyak syarikat gergasi dari Jepun dan Korea Selatan datang melabur di sini. Malah mereka juga mendapat banyak faedah daripada pengenalan dasar berkenaan.

Kedatangan syarikat-syarikat gergasi itu ke negara ini bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan yang banyak terutama dalam bidang elektronik, tetapi membabitkan pemindahan teknologi yang dapat dipelajari rakyat tempatan.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

DASAR PERSYARIKATAN

PENGENALAN

Dasar Persyarikatan Malaysia telah diutarakan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad buat kali pertamanya pada pelancaran Forum INTAN pada 25 Februari 1983.

Dasar Persyarikatan ini cuba menggambarkan negara Malaysia sebagai sebuah syarikat di mana pemimpin kerajaan dan rakyat iaitu rakyat jelata dianggap sebagai pemilik ekuiti atau pekerja dalam syarikat itu.

Dengan cara ini, setiap pekerja dalam syarikat sebenarnya perlu bekerja keras untuk memajukan syarikat tersebut, sekali gus membantu memajukan diri mereka sendiri.

Melalui dasar ini juga, setiap pekerja akan menganggap syarikat itu seperti miliknya sendiri. Oleh itu mereka harus bekerja lebih keras bagi membangunkannya.

Semenjak diperkenalkan Dasar Persyarikatan Malaysia, dasar ini mendapat liputan yang meluas. Keperluan terhadap dasar ini wujud hasil daripada kesedaran terhadap percanggahan pendapat yang ketara berlaku antara sektor awam dan swasta yang terdapat di negara kita.

Percanggahan pendapat ini meliputi beberapa perkara dan persoalan-persoalan asas seperti matlamat organisasi, perhubungan, peranan, dan peraturan di antara pihak awam dan swasta.

Percanggahan pendapat ini disusuli interaksi yang tidak lancar antara kerajaan dan pihak swasta akibat wujudnya banyak kerentak birokrasi, kelembapan kakitangan kerajaan memproses permohonan tertentu, dan sebagainya.

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia memandang serius perkara ini kerana kedua-duanya merupakan sektor utama yang memainkan peranan penting dalam menentukan maju mundurnya negara ini.



Kemajuan negara dapat dilihat menerusi pembinaan monorel di ibu kota.

Justeru, sektor kerajaan dan swasta seharusnya bekerjasama dengan lebih erat dalam semua bidang untuk mencapai dan meningkatkan pembangunan dan imej negara ke tahap yang lebih baik.

Secara sepintas lalu, sektor swasta menjadi pendokong kepada aktiviti perdagangan dan ekonomi di negara ini. Kebanyakan kilang premis perniagaan, dan sebagainya dimiliki oleh pihak swasta yang menawarkan ribuan pekerjaan kepada rakyat.

Sementara itu, sektor awam pula menyediakan dasar-dasar utama dan perkhidmatan sokongan yang tertentu kepada pihak swasta. Dengan ini pihak kerajaan atau awam lebih merupakan pemberi perkhidmatan kepada syarikat dan perusahaan berkenaan.

Dasar Persyarikatan Malaysia bertujuan untuk membentuk satu kerjasama yang lebih erat, bermakna, dan berkesan di antara pihak sektor awam dengan pihak swasta dalam menjayakan pembangunan negara.

Hal ini disebabkan pihak swasta amat memerlukan sokongan daripada pihak kerajaan agar dapat bergerak lebih dinamik dalam arah perdagangan. Misalnya jika pihak kerajaan dapat meluluskan permohonan lesen perniagaan dengan cepat, pihak swasta dapat menyeferkan projek yang mahu dimajukan.

Justeru, kejayaan dasar ini amat bergantung kepada usaha kerjasama dan sumbangannya semua pihak, baik kerajaan maupun swasta.

Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan perlu memberi perkhidmatan yang menyokong usaha pihak swasta untuk beroperasi dengan lebih giat. Kerajaan perlu memahami keperluan yang diminta pihak swasta selain mengurangkan kerenah birokrasinya.

Manakala pihak swasta pula diseru bertindak selari dengan hasrat yang sejajar dengan aspirasi nasional. Mereka harus mematuhi apa jua garis panduan yang ditetapkan ketika berurus niaga.

Apabila pihak swasta memperoleh banyak keuntungan hasil perniagaan mereka, kerajaan dan negara turut berkongsi keuntungan tersebut.

Hal ini disebabkan keuntungan syarikat akan dicukai pada kadar tertentu oleh kerajaan. Melalui pungutan hasil cukai inilah yang akan disalurkan semula kepada rakyat dalam bentuk pelaksanaan projek-projek pembangunan negara.

Oleh itu, apabila kerajaan menawarkan sokongan yang efisien untuk pihak swasta berurus niaga, bermakna lebih banyak ganjaran atau keuntungan akan diperoleh kerajaan dalam jangka masa panjang.

Tun Dr. Mahathir sendiri menerangkan konsep Persyarikatan Malaysia memerlukan kedua-dua sektor, baik kerajaan maupun swasta menghapuskan sikap permusuhan.

Sebaliknya mereka perlu mengamalkan sikap berkongsi maklumat, bertanggungjawab, sedia menghadapi cabaran serta memahami polisi, objektif, dan prosedur-prosedur dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan sosial, pentadbiran, dan ekonomi negara secara keseluruhannya.

STRATEGI PELAKSANAAN

Bagi memastikan kejayaan Dasar Persyarikatan Malaysia, pelbagai strategi pelaksanaan telah diambil untuk memupuk kerjasama antara kedua-dua sektor.

Strategi utama yang dilakukan ialah dengan menghapuskan sikap kurang memahami di antara kedua-dua sektor. Pihak awam dan swasta haruslah mempunyai satu persetujuan bagi mencapai matlamat negara.

Dengan itu, kedua-dua pihak mempunyai matlamat iaitu menjaga maruah negara dan tidak hanya satu pihak sahaja yang akan bersungguh-sungguh membangunkan negara.

Sehubungan itu, segala peraturan dan prosedur kerja pihak awam telah dikaji dan diubah mengikut keperluan kedua-dua sektor.

Hubungan antara kementerian, jabatan, dan badan berkanunnurut dipertingkatkan supaya setiap agensi kerajaan mempunyai matlamat kerja dan cara bekerja yang sama.

Pihak INTAN dan syarikat-syarikat swasta telah mengambil inisiatif dengan mengadakan beberapa siri forum, seminar, dan perbincangan dalam usaha mendapatkan pandangan dan penukaran informasi di peringkat persekutuan dan negeri-negeri.

Di samping itu, beberapa program-program lain juga telah dijalankan seperti menempatkan pegawai kerajaan ke syarikat swasta.

Misalnya seramai 18 orang pegawai telah ditempatkan di British Malaysian Industry and Trade Association (BMITA) mulai tahun 1984 bertujuan membolehkan pegawai-pegawai itu mempelajari selok belok pengurusan sektor swasta tentang bidang perniagaan, perdagangan, dan industri.

Keseluruhannya, Dasar Persyarikatan Malaysia sebenarnya memerlukan perubahan sikap oleh kedua-dua sektor awam dan swasta untuk memupuk persefahaman dan kerjasama yang lebih erat agar kesejahteraan rakyat Malaysia akan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.



Penggunaan perkakasan berteknologi maklumat amat penting dalam arus kehidupan yang digerakkan oleh kemajuan ICT.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

DASAR EKONOMI BARU

PENGENALAN

Bagi kebanyakan negara, jurang kekayaan antara golongan kaya dan miskin yang keterlaluan adalah tidak baik untuk kesejahteraan negara. Hal ini disebabkan masyarakat miskin akan berasa iri hati atau cemburu terhadap golongan yang kaya.

Rasa tidak puas hati kian menebal apabila didapati golongan miskin dan kaya itu sebenarnya mewakili kelompok kaum yang berbeza-beza. Akibatnya rusuhan kaum boleh tercetus pada bila-bila masa sahaja.

Justeru, sesebuah kerajaan yang bertanggungjawab harus memastikan jurang kekayaan atau taraf hidup antara kaum-kaum yang berbeza-beza hendaklah tidak terlalu luas.

Malah kerajaan seharusnya membantu kaum yang miskin agar dapat berdiri sama tinggi dengan kaum yang lebih berjaya. Dengan cara ini rasa permusuhan dan iri hati dapat dibendung.

Pada zaman penjajahan, British telah mengamalkan sistem pecah dan perintah. Sistem ini menggalakkan kedatangan tenaga buruh dari negara China dan India untuk kepentingan ekonomi mereka.

Penambahan penduduk dan peningkatan kegiatan ekonomi telah menyebabkan pertumbuhan bandar, perhubungan seperti jalan raya, tandas kereta api, dan pembahagian kelompok kaum mengikut sektor ekonomi.

Keadaan ini telah menyebabkan jurang perbezaan antara kaum yang amat ketara. Kaum Cina didapati lebih berjaya dari segi penguasaan ekonomi sedangkan kaum Melayu dan India ketinggalan jauh di belakang.

Kepincangan ini seterusnya telah mencetuskan peristiwa berdarah pada tanggal 13 Mei 1969. Peristiwa ini merupakan satu rusuhan antara kaum yang pahit untuk dikenang.

Rusuhan kaum ini menyedarkan kerajaan bahawa ketidakseimbangan kedudukan ekonomi antara kaum boleh menghancurkan perpaduan negara kita sehingga membawa kepada kewujudan satu dasar yang bersepdu yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB).

MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU

DEB yang merupakan rancangan pembangunan negara selama 20 tahun ini telah dilancarkan oleh kerajaan pada tahun 1970 melalui Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975).

Matlamat utama dasar ini ialah untuk membetulkan ketidakseimbangan sosial ekonomi yang wujud di antara kaum-kaum yang terdapat di Malaysia.

Seterusnya, matlamat DEB adalah mewujudkan perpaduan negara dengan mengurangkan perbezaan ekonomi, sosial, kebudayaan, penempatan, dan sebagainya.

Bagi mencapai matlamat-matlamat itu, rancangan-rancangan pembangunan di bawah DEB telah disusun dan dijalankan menerusi strategi serampang dua mata.

Matlamat perjuangan DEB yang jelas adalah membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.


Kemiskinan merupakan sebab utama yang menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat. Keadaan ini boleh menggugat perpaduan negara.

Masalah kemiskinan mengikut kaum dengan kadar kemiskinan paling tinggi adalah di kalangan orang Melayu yang tertumpu kepada pertanian tradisional atau sara diri. Pendapatan yang diperoleh oleh setiap unit keluarga amatlah kecil, sekadar menampung sara hidup.

Untuk itu, kerajaan melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan produktiviti serta pendapatan golongan ini.



Pelbagai peluang diberikan kepada kaum bumiputera untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka.



Kerajaan menggalakkan rakyat menguasai teknologi kejuruteraan tinggi untuk memacu pembangunan negara.

Kerajaan juga menyediakan banyak kemudahan asas bagi memperbaiki taraf kehidupan masyarakat. Antara program ini ialah mewujudkan peluang pekerjaan untuk semua rakyat yang menganggur, memodenkan kehidupan di luar bandar, mewujudkan kumpulan perusahaan, dan perdagangan bumiputera dalam jumlah yang lebih banyak.

Kerajaan juga mengadakan suasana pekerjaan yang mencerminkan **komposisi** kaum di Malaysia secara seimbang, memperbaiki taraf serta kualiti hidup rakyat melalui pelajaran, latihan, kesihatan, dan lain-lain.

Penyusunan semula masyarakat dijadikan salah satu daripada matlamat DEB dengan harapan kerajaan dapat menghapuskan perasaan tidak puas hati antara kaum. Langkah paling berkesan membuang **rasa iri hati** adalah dengan memastikan kekayaan ekonomi negara dapat dikongsi secara adil dan saksama.

Melalui sasaran awal yang ditetapkan dalam DEB, kerajaan telah mensasarkan menjelang tahun 1990, pemilikan saham dan ekonomi Malaysia akan melambangkan komposisi kepentingan kaum di negara ini, di mana penyertaan Bumiputera sebanyak 30%, 40% bukan Bumiputera dan 30% terdiri daripada pelabur-pelabur luar negeri.

Namun, realitinya kaum Bumiputera gagal memperoleh kadar 30% daripada kekayaan negara apabila tempoh DEB berakhir pada 1990. Namun begitu, jumlah peratusan yang dicapai tetap berada pada kadar membanggakan setelah pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan bagi membantu mereka.

Antaranya, kerajaan telah menubuhkan agensi seperti MARA, Bank Pembangunan, Bank Bumiputera, Amanah Saham Nasional, dan memajukan negeri dan kawasan yang dianggap mundur melalui pembangunan wilayah baru seperti DARA, KESEDAR, KEJORA, dan sebagainya.

Kesimpulannya, DEB ialah satu dasar baru yang bermatlamatkan perpaduan negara melalui proses pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

SIRI PANDUAN KENEGARAAN

DASAR PEMBANGUNAN




PENGENALAN

Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP 1) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah berakhir pada tahun 1990. Walaupun matlamat penubuhan DEB tidak tercapai sepenuhnya, namun ia tetap berjaya mencapai **objektif** untuk membantu kaum Bumiputera khususnya bersaing dalam ekonomi.

Dalam tempoh pelaksanaan DEB dari tahun 1970 hingga tahun 1990, ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesatnya walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran.

Namun begitu, pencapaian DEB bukanlah satu kejayaan yang menyeluruh kerana proses sosio-ekonomi ala-DEB ini memerlukan masa yang lebih lama daripada apa yang telah diperuntukkan.

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) pula dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat, sebagai proses kesinambungan memajukan negara.



Dasar pembandaran digubal dengan mengambil kira pertambahan penduduk seiring dengan bertambahnya peluang pekerjaan dan pembinaan kemudahan awas.

Dasar yang diperkenalkan pada 17 Jun 1991 ini telah menjadi teras kepada Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang menandakan permulaan era baru dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Matlamat terakhir DPN ialah untuk mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Masyarakat yang bersatu padu amat penting untuk memperkuuhkan lagi kestabilan sosial dan politik di samping mengekalkan pembangunan ekonomi secara berterusan.

Bagi melaksanakannya, DPN mengekalkan strategi asas DEB iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum.

Strategi asas ini dikekalkan kerana ia terbukti berjaya menyumbangkan ke arah mengukuhkan perpaduan negara.

DPN sebenarnya bertujuan untuk mewujudkan satu corak pembangunan yang lebih seimbang seperti mewujudkan keseimbangan yang optimum antara matlamat pertumbuhan ekonomi dengan kadar pengagihan yang saksama.

Penubuhan DPN juga cuba memastikan pembangunan seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi, mengoptimumkan pertumbuhan, dan menghapuskan ketidaksamaan sosial dan ekonomi negara untuk menggalakkan perkongsian secara lebih adil lagi saksama sesama kaum.

DPN telah dirancang dan digubal dengan amat teliti setelah mengambil kira tahap kemajuan yang dicapai di bawah pelaksanaan DEB. DPN juga berupaya mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang wujud semasa pelaksanaan DEB agar kesilapan yang sama tidak dilakukan.

Kajian yang amat teliti ini membolchkan DPN disusun untuk membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan kaedah lebih berkesan.

Dalam hal ini, DPN berusaha keras menghapuskan kemiskinan di kalangan golongan termiskin di samping mengurangkan kemiskinan relatif seiring dengan tahap kemajuan ekonomi negara.

DPN juga menumpukan perhatian kepada pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sebagai satu strategi penting ke arah meningkatkan dan seterusnya mengekalkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi.

Selain itu, DPN berusaha meminta sektor swasta untuk melibatkan diri dalam proses penyusunan semula masyarakat dan memberi tumpuan kepada pembangunan sumber manusia.

Walaupun pelbagai dasar dan program kerajaan untuk membantu usahawan Bumiputera diwujudkan, kerajaan amat berharap agar usahawan Bumiputera akan memajukan perniagaan berasaskan daya usaha mereka sendiri.

Mereka perlulah berdikari dan usah mengharapkan bantuan dan **subsidi** kerajaan semata-mata.



Hari ini Malaysia telah bergelar sebagai antara negara pengeluar kereta dunia.



Dalam usaha meningkatkan ekuiti kaum bumiputera dalam ekonomi, pelbagai jenis sambutan ditawarkan kepada mereka yang berminat membuat pelaburan.

DPN turut menggalakkan penyertaan Bumiputera secara meluas dalam sektor-sektor moden seperti pembuatan dan perkhidmatan. Perhatian khusus diberi kepada penyertaan Bumiputera di dalam industri kecil dan sederhana menerusi program sub-kontrak dan francais.

Agensi-agensi amanah dan perbadanan awam perlu merancang dan menyelaras tindakan dengan lebih berkesan dalam mewujudkan harta-harta baru dan membeli kepentingan tertentu bagi pihak Bumiputera.

Peranan Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan diperkuatkan dalam menggembungkan tabungan Bumiputera dan pembangunan keusahawanan.

Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) merupakan sebahagian daripada strategi keseluruhan PNB untuk meneruskan usaha menggembungkan tabungan Bumiputera sepanjang tempoh DPN.

DASAR INDUSTRI BERAT

Sektor perindustrian memberi sumbangan yang amat besar kepada ekonomi negara. Seiring dengan usaha untuk memperkasakan ekonomi negara, kerajaan membuat keputusan untuk melaksanakan dasar industri berat yang selama ini jarang diberi perhatian.

Sedangkan kebanyakan negara kuasa besar ekonomi dunia mempunyai industri berat mereka sendiri yang mampu menjana keuntungan lumayan jika dilaksanakan dengan cekap.

Oleh itu, langkah paling wajar dalam proses perindustrian ini ialah dengan mengamalkan dasar industri berat, iaitu perindustrian berasaskan modal besar, teknologi tinggi, dan memerlukan tenaga pekerja mahir yang ramai.

Industri berat mempunyai **potensi** jangka panjang dalam proses rancangan perindustrian negara. Dasar ini adalah merupakan satu langkah ke arah ekonomi yang lebih kukuh dan mampu menghadapi pertumbuhan dan kematangan.

Oleh itu, usaha penubuhan perindustrian berat perlu diperkenalkan oleh pihak kerajaan memandangkan kekurangan tenaga mahir, kepakaran, dan modal yang mencukupi di kalangan para usahawan swasta yang ingin membabitkan diri.

Justeru, penubuhan perindustrian berat ini secara langsung akan mempelbagaikan dan memperkuatkhan struktur ekonomi Malaysia sambil memperkuatkan kebolehan kita bersaing di medan antarabangsa.

Dasar perindustrian berat diharap dapat mengubah keadaan ini agar sektor swasta meningkatkan pelaburan mereka dan mengambil bahagian cergas dalam pembangunan ekonomi melalui program perindustrian berat yang lebih moden yang akan mewujudkan industri-industri sokongan yang mampu bersaing di pasaran dunia.

Bagi tujuan ini, Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (Heavy Industries Corporation Malaysia atau HICOM) telah ditubuhkan pada tahun 1980.

Matlamat penubuhan HICOM adalah mengenal pasti, memula, melaksana serta menguruskan projek-projek tertentu dalam bidang perindustrian berat.

Ekoran daripada itu, beberapa projek usaha sama dengan pihak swasta telah ditubuhkan termasuk pembinaan loji simen, besi panas dan pancang keluli, projek palpa dan kertas, projek kereta nasional, iaitu Proton Saga (anjuran HICOM dan Mitsubishi Motors Jepun), dan kompleks kejuruteraan (HICOM).

Kesemua projek ini memerlukan bahan atau komponen-komponen tertentu dalam penghasilannya. Industri-industri sokongan dan kecil perlu memainkan peranan untuk membekalkan bahan-bahan tersebut.

Dengan itu, pelaksanaan program industri berat mempunyai serampang dua mata; iaitu mewujudkan projek industri berat itu sendiri dan meningkatkan keupayaan industri sokongan atau mewujudkan industri-industri baru yang dapat melahirkan lebih ramai usahawan yang menyokong industri ini.



GLOSARI

- majoriti** : jumlah yang paling banyak atau terbesar berdasarkan kuantitinya.
- dieksplotasi** : digunakan sepenuhnya atau semaksima mungkin.
- impak** : kesan atau akibat.
- aspirasi** : kehendak atau wawasan yang ingin dicapai bersama-sama.
- rasional** : sesuatu tindakan yang berasaskan pemikiran logik setelah ditimbang semua perkara.
- universal** : bersifat sejagat.
- seminar** : medan atau tempat perbincangan secara ilmiah membabitkan pelbagai perkara atau disiplin ilmu.
- formula** : garis panduan atau aturan.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

GLOSARI

- ideal** : paling layak atau sesuai.
- tender** : surat penawaran kontrak oleh kerajaan kepada mana-mana syarikat yang difikirkan layak melaksanakannya.
- komposisi** : jumlah peratusan atau pembahagian tertentu.
- objektif** : tujuan sesuatu pelaksanaan.
- subsidi** : bantuan yang diberikan secara percuma oleh kerajaan kepada pelbagai pihak bagi meningkatkan keupayaan mereka dalam sesuatu bidang.
- potensi** : ruang atau peluang untuk berkembang lebih luas lagi.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

SOALAN

1. Mengapakah pengubalan dasar sesebuah negara saling berbeza-beza dengan negara lain?
2. Apakah kepentingan matlamat mencapai penduduk seramai 70 juta orang?
3. Apakah antara matlamat Dasar Pendidikan Negara yang ingin dicapai?
4. Apakah antara nilai-nilai Islam yang bersifat universal yang boleh diperlakukan oleh kaum-kaum lain?
5. Apakah konsep Dasar Persyarikatan?
6. Apakah perbezaan produktiviti antara sektor kerajaan dengan sektor swasta?
7. Apakah negara yang menjadi rujukan dalam Dasar Pandang ke Timur?
8. Berapa lamakah tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru?

